



**PERMOHONAN MEMAJAK TANAH KERAJAAN**

**JENIS-JENIS PENGGUNAAN TANAH**

**DOKUMEN-DOKUMEN YANG DIPERLUKAN**

**TEMPAT MENGHADAPKAN PERMOHONAN**

**JENIS-JENIS PENGGUNAAN TANAH**

**LETAK KERETA**

**STOR**

**LANDSKAP**

**PERNIAGAAN**

**PERUSAHAAN RINGAN**

**PERUSAHAAN BERAT**

# PERMOHONAN MEMAJAKKAN TANAH KERAJAAN

## DOKUMEN – DOKUMEN YANG PERLU DISERTAKAN

BIL	DOKUMEN
1	<p><b>Surat Permohonan daripada Syarikat atau Korporasi dengan menyatakan keluasan tanah yang dipohonkan</b></p> <p><b>Perhatian:</b> Permohonan secara perseorangan tidak akan diterima.</p>
2	<p><b>Peta RSO berukuran A3 yang terkini</b> (dibeli di Tingkat 2, Jabatan Ukur atau mana-mana cawangan Jabatan Ukur) – 1 salinan</p> <p><b>Perhatian:</b> Kedudukan Tapak yang dipohonkan hendaklah ditandakan (<i>highlight</i>) pada peta berkenaan.</p>
3	<p><b>Surat Pengesahan daripada Pihak Darussalam Enterprise (DARe) mengenai <i>business proposal</i> – <u>(Bagi jenis-jenis penggunaan tanah Perniagaan / Perusahaan Ringan / Perusahaan Berat sahaja)</u></b></p> <p><b>Nota:</b> Berikut adalah maklumat-maklumat yang mesti dihadapkan kepada Pihak DARe</p> <ol style="list-style-type: none"><li>1. Kertas kerja cadangan projek yang lengkap,</li><li>2. Jumlah pelaburan cadangan projek,</li><li>3. Sumber kewangan projek,</li><li>4. Penyata kewangan bagi 3 tahun kebelakangan (<i>Profit and Loss A/C &amp; Cash Flow Statement</i>),</li><li>5. Keterangan pemfailan cukai Korporat terkini.</li></ol>
<p><b>PERHATIAN: Sila pastikan dokumen-dokumen yang disertakan adalah terkini dan lengkap.</b></p> <p><b>Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima oleh Pihak Jabatan Tanah.</b></p>	


# PERMOHONAN MEMAJAKKAN TANAH KERAJAAN

## TEMPAT MENGHADAPKAN PERMOHONAN

PERMOHONAN DIHANTAR KE BAHAGIAN PENGURUSAN DAN PELUPUSAN TANAH, TINGKAT 2, JABATAN TANAH, DAERAH BRUNEI DAN MUARA

**Daerah Brunei dan Muara**  
Bahagian Pengurusan dan Pelupusan Tanah, Tingkat 2, Jabatan Tanah

<https://www.google.com/maps/place/Land+Department/@4.925553,114.928171,521m/data=!3m1!1e3!4m5!3m4!1s0x0:0xcb340e93130e8bf7!8m2!3d4.9255534!4d114.9281713?hl=en>



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQS)

**Soalan:**

Bagaimanakah cara pemegangan pemilikan tanah ini?

**Jawapan:**

Tanah ini akan dikeluarkan hak milik secara pajakan.

**Soalan:**

Berapakah tempoh pajakan yang boleh dipohonkan?

**Jawapan:**

Tempoh pajakan adalah tidak melebihi 60 tahun.

**Soalan:**

Berapakah bayaran premia yang dikenakan kepada pemohon?

**Jawapan:**

Pada kadar 100% harga pasaran tanah semasa bagi tapak yang dipohonkan.

**Soalan:**

Bilakah bayaran premia perlu dijelaskan?

**Jawapan:**

Bayaran premia mesti dijelaskan setelah surat kebenaran permohonan dikeluarkan oleh Pihak Jabatan Tanah.

**Soalan:**

Bilakah dokumen hak milik tanah (Geran Tanah) dikeluarkan?

**Jawapan:**

Geran Tanah hanya akan didaftar dan dikeluarkan setelah bayaran premia dijelaskan sepenuhnya.

**Soalan:**

Bilakah tapak tanah boleh dimajukan?

**Jawapan:**

Tapak tanah hanya boleh dimajukan setelah Geran Tanah diperolehi oleh pemohon.

**Soalan:**

Bolehkah tempoh pajakan tanah diperbaharui?

**Jawapan:**

Tempoh pajakan tanah boleh diperbaharui tertakluk kepada terma dan syarat.